

Pujian dari Asri bukti ketokohan pimpinan Dr. M.

BH 28 MAR 1982

ALOR SETAR, Sabtu — Pendapat pemimpin PAS, Datuk Haji Asri, bahawa kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir membawa perubahan yang belum pernah dilakukan oleh sebarang pemimpin Barisan Nasional lalu, memperlihatkan pemimpin itu seorang yang berterus terang. Walaupun perubahan itu, disifatkan drastik oleh Yang Dipertua Agung itu, ini bererti secara langsung beliau menyokong Barisan Nasional dan ketokohan Datuk Seri Dr. Mahathir

sebagai pemimpin.

Tokoh-tokoh politik dua pihak — UMNO dan PAS menganggap Datuk Haji Asri mengakui dan menghargai pendapat Perdana Menteri yang banyak menumpukan perhatian terhadap perkembangan Islam serta dipandang tinggi oleh dunia Islam lain.

Ini juga hendaklah membuka mata dan pandangan jauh di kalangan pemimpin PAS lain membuat berbagai tohmah dan prasangka buruk terhadap kerajaan, pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir.

Saranan Perdana Menteri tentang aspek Is-

lam patut diserapkan kepada semua penduduk tanpa mengira agama, juga disokong oleh Datuk Haji Asri.

Mengulas tentang sokongan tersebut, mereka menyatakan bahawa ia adalah kenya-taan yang terus terang. Ini bererti mengingatkan seluruh anggota PAS di tanahair supaya tidak menyeretkan agama dalam pilihanraya kelak untuk memancing undi.

Ini, kata mereka, berdasarkan ramalan pemimpin PAS, terutama peringkat tertinggi dalam setiap pilihanraya lalu, mereka lebih banyak menggunakan isu agama untuk mempengaruhi pend-

uduk mengundi mereka. Malah, beberapa min-ggu lalu, sedang angin pilihanraya bertiup kencang, mereka sanggup mendakwa bahawa "Quran perlembagaan

PAS". Ini amat bercanggah, kata mereka.

PAS merakamkan kata-kata tersebut melalui papantanda yang dipacak di tempat-tempat yang boleh menarik perhatian ramai di tanah kerajaan.

Para pemimpin PAS itu, kata mereka, seperti tidak, menghiraukan sama ada yang mereka lakukan itu bertentangan dengan undang-undang, atau tidak.

Sebaliknya, kata

mereka, sokongan Datuk Haji Asri terhadap Perdana Menteri mengenai agama boleh disifatkan meliputi semua bidang, termasuk pentadbiran yang bersih dan cekap.

Yang demikian, tokoh-tokoh politik tersebut

menasihatkan pengikut-pengikut PAS lain hendaklah mencontohi pemimpin mereka yang berfikiran jauh demi keutuhan agama.

S e l a m a i n i kedengaran berbagai kata yang tidak bertang-

yang hanya untuk mencapai kemenangan, seru mereka.

77
Bagi tokoh-tokoh politik di Kedah, khasnya, mereka menganggap apa yang ditimbulkan oleh Datuk Haji Asri itu adalah kejujuran beliau

serta sedar terhadap perkembangan syiar Islam yang dibawa oleh Perdana Menteri.

Kunjungan beliau ke negara-negara Teluk, baru-baru ini, tambah mereka, juga membuktikan bahawa tokoh negara itu sentiasa mengikuti perkembangan Islam untuk disebarkan seluas-luasnya di Malaysia.

Sesuatu yang perlu mendapat perhatian dunia Islam dan sokongan

dari negara-negara Islam ialah penubuhan Universiti Islam Antarabangsa di Malaysia, tambah mereka.

Sehubungan ini, mereka menyeru dalam pilihanraya kelak, isu agama dengan tujuan

mendapat undi tidak akan ditimbulkan oleh pemimpin PAS, memandangkan Datuk Haji Asri memberi sokongan secara jujur kepada Datuk Seri Dr. Mahathir.

gungjawab, dikeluarkan oleh pengikut PAS terhadap pemimpin negara itu, kata mereka.

Sekarang, tambah mereka lagi, orang-orang ini perlu sedar bahawa pemimpin tertinggi mereka telah menyokong Datuk Seri Dr. Mahathir.

Oleh itu, menjelang pilihanraya ini, tuduhan-tuduhan yang tidak berasas hendaklah di-jauhkan dan jangan lagi dijadikan modal politik